

## **"CBP-PERKESO BERGANDING BAHU JAGA SURI RUMAH"**

1. Co-opbank Pertama (CBP) komited dalam membangunkan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat melalui penyediaan akses kepada perlindungan sosial yang menyeluruh dan bersesuaian dengan keperluan masa kini.
2. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar, berkata selari dengan hasrat berkenaan, pihaknya telah menjalinkan kerjasama strategik bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui penawaran Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) di semua cawangan CBP sebagai rakan promosi rasmi.
3. Beliau berkata, kerjasama sejak Februari lalu itu bertujuan memperluas capaian perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah khususnya dalam kalangan pelanggan wanita CBP.
4. "SKSSR diwujudkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 untuk memberikan perlindungan kepada suri rumah yang mengalami kecederaan, penyakit atau keilatan semasa menguruskan rumah tangga.
5. "Syarat kelayakan SKSSR adalah suri rumah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap berusia 55 tahun ke bawah dengan manfaat perlindungan seperti faedah perubatan, faedah hilang upaya kekal, elaun keuzuran dan kemudahan pemulihan jasmani atau dialisis.
6. "Caruman tahunan serendah RM120 boleh dibayar oleh diri sendiri, suami, ahli keluarga atau mana-mana pihak ketiga terlebih dahulu (*in advance*) untuk perlindungan selama setahun," katanya dalam kenyataan hari ini.
7. Khairil Anuar berkata sebagai rakan promosi rasmi, CBP akan membantu menyalurkan maklumat dan kemudahan pendaftaran SKSSR melalui cawangan CBP di seluruh negara, selain menjalankan kempen promosi menerusi pelbagai platform media sosial.
8. "Inisiatif kerjasama ini akan dilaksanakan melalui rangkaian cawangan CBP di seluruh negara yang berfungsi sebagai pusat rujukan penawaran dan sokongan kepada pelanggan.

9. “Selain itu, CBP merancang untuk menjalankan kempen promosi secara berterusan menerusi platform media sosial bagi memastikan mesej mengenai kepentingan perlindungan sosial kepada suri rumah dapat disebarkan secara meluas dan berkesan kepada semua lapisan masyarakat,” katanya.

-TERIMA KASIH-

### **Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

**Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama**

[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)